

# Atasi segera kes tertangguh berkaitan orang asal

Oleh Sitti Nor Azizah Talata

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri yakin pengawasan yang dilakukan oleh orang asal ke atas pembangunan melibatkan tanah, wilayah dan sumber masing-masing akan membolehkan mereka mempertahankan kekuatan institusi budaya dan tradisi masyarakat orang asal itu sendiri.

Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Datuk Aidi Moktar berkata kerajaan negeri sebenarnya telah lama mengiktiraf hak asasi adat tradisi orang asal di Sabah dengan kewujudan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992.



Aidi dan Dr Taufiq Yap (tengah) mengabadikan kenangan bersama peserta Seminar Pembangunan Orang Asal (SPOA 2019): Cabaran dan Kelestarian di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah UMS. – Gambar SNT/Ihsan UMS

Enakmen MAN tersebut jelas beliau lagi, mendahului deklarasi hak asasi Orang Asal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak-Hak Orang Asal (UNDRIIP) pada 2017.

“Di sini kita melihat rasional kewujudan Mahkamah Anak Negeri Sabah yang wujud sejak pentadbiran Syarikat Borneo Utara British pada 1881 hingga 1946 apabila Sabah menyertai pembentukan Malaysia pada 1963 masih diteruskan.

“Saya sedar bahawa banyak kritikan pihak tertentu terhadap pelaksanaan MAN pada masa sekarang dan mereka berharap agar institusi ini beroperasi lebih cekap dan berkesan bagi mengatasi banyak kes-kes Mahkamah Anak Negeri yang masih tertangguh dan tidak selesai,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Seminar Pembangunan Orang Asal (SPOA 2019): Cabaran dan Kelestarian di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah UMS di sini, hari ini.



Aidi memukul gong tanda perasmian Seminar Pembangunan Orang Asal (SPOA 2019): Cabaran dan Kelestarian di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah UMS. – Gambar SNT/Ihsan UMS

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Madya Dr Ramzah Dambul dan Pengarah Institut Kajian Orang Asal Borneo UMS, Prof Dr Rosazman Hussin.

Seminar berkenaan dianjurkan bersama Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) UMS dan Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Dalam pada itu Aidi berkata pihak kementeriannya sedang memperhalusi kelemahan peruntukan undang-undang MAN pada ketika ini.

Jelas beliau kementeriannya telah membentuk satu jawatankuasa pemandu terdiri daripada pakar dan profesional bagi mengkaji keperluan penstrukturkan semula MAN serta mewujudkan beberapa undang-undang.

Antaranya seperti Undang-Undang Pentadbiran MAN, Prosedur Sivil MAN, Prosedur Jenayah Man, Undang-Undang Keterangan MAN, Undang-Undang Kesalahan Jenayah MAN serta Undang-Undang Keluarga MAN yang sedang dalam fasa cadangan dan penyelidikan untuk dicadangkan kepada kerajaan negeri.

“Keunikan tentang kewujudan MAN di Sabah adalah usaha dan tindakan pihak kerajaan dan orang asal untuk menyelesaikan kes-kes pelanggaran undang-undang adat di peringkat kampung dan kawasan luar bandar terutama dalam kalangan komuniti orang asal bukan Islam.

“Bagi komuniti orang asal Islam mereka tertakluk kepada Institusi Mahkamah Syariah. Situasi ini sebenarnya sesuai dengan Artikel 5 (UNDRIP 2007) yang mengatakan bahawa ‘Orang Asal mempunyai hak untuk mempertahankan dan memperkuatkan institusi politik, undang-undang, ekonomi, sosial dan budaya mereka tapi pada masa sama mengekalkan hak mereka menyertai sepenuhnya jika memilih bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya negara-negara,’ katanya.

Sementara itu beliau mengalui-alukan usaha UMS dan UPSI menganjurkan seminar berkenaan yang dianggap relevan dalam menyampaikan hasrat dan aspirasi orang asal di Sabah. – SabahNewsToday